



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



e-Buletin

[f @UMS.official](#)

[YouTube UMS.Official](#)

[@umsofficial](#)

[@UMS_EcoCampus](#)

www.ums.edu.my

Karnival Pendidikan Tinggi Zon Sabah Negara 2018



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



ramai...



SOARING UPWARDS



17-18 MAC 2018
**1 Borneo Hyatt
Kota Kinabalu**



Mengubah Idea Menjadi Realiti

Transformasi Ke Arah
UNIVERSITI INDUSTRI 4.0

PPSK PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK & KOMUNIKASI KORPORAT

PRAKATA

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, tahun ini Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 'Jom Masuk IPT' dapat dilangsungkan bagi Zon Negeri Sabah.

Setiap tahun, penganjuran KPTN sentiasa menjanjikan kelainan dan kemeriahan untuk menarik pengunjung hadir ke program ini bagi memastikan objektif penganjurannya tercapai.

Karnival yang berlangsung selama dua hari ini memberi peluang kepada para pengunjung untuk mendapatkan maklumat berkaitan program pengajian yang ditawarkan oleh pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) dengan lebih terperinci dan terkini melalui perjumpaan terus dengan wakil-wakil dari IPT dan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menyertai karnival ini.

Penganjuran program seumpama ini sememangnya selari dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM-PT) yang berhasrat untuk melahirkan komuniti yang meneruskan pembelajaran sepanjang hayat, graduan yang holistik dengan minda keusahawanan dan seimbang serta pemupukan bakat pendidikan cemerlang.

Diharapkan para pengunjung mendapat manfaat melalui perkhidmatan dan informasi yang disediakan pada karnival ini.

Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja yang bertungkus-lumus dalam menyediakan perkhidmatan, sekali gus menjayakan penganjuran KPTN 2018.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) TAHUN 2018

Karnival Pendidikan Tinggi Negara atau KPTN akan diadakan di 16 zon termasuk zon mini yang akan berlangsung dari Januari hingga April 2018.

Tujuan atau objektif pelaksanaan Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) adalah seperti berikut:

- Mempromosi serta memberi informasi terkini mengenai Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia seperti Universiti Awam (UA), Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA.
- Menyebarkan maklumat berkaitan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia.
- Memberi lebih kemudahan kepada orang ramai khususnya kepada calon-calon Lulusan SPM dan STPM untuk mendapat lebih informasi pendidikan tinggi seperti Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA mahupun institusi pendidikan tinggi lain seperti Universiti Swasta dan MARA yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.
- Mempromosi serta menyebarkan maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baru yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan institusi lain bagi Sesi Akademik 2018/2018.
- Mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti & ILKA melalui UPUOnline (<http://upu.mohe.gov.my>).
- Memotivasi dan mendidik pemohon dalam menyebar luas maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi di UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA dalam negara serta agensi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

TARIKH	NEGERI
12-28 Jan 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	(Zon Mini) Tawau, Sabah, Sarawak
03-04 Feb 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Melaka (Perasmian)
10-11 Feb 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Kedah, Perlis
24-25 Feb 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Johor, Negeri Sembilan
03-04 Mac 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Pahang, Terengganu
10-11 Mac 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Pulau Pinang, Kelantan
17-18 Mac 2018 (Sabtu & Ahad) 8 Pagi - 5 Petang	Kota Kinabalu, Sabah W.P Labuan
17-18 Mac 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Shah Alam, Selangor
07-08 April 2018 (Sabtu & Ahad) 9 Pagi - 5 Petang	Perak, Sarawak

Pengunjung boleh datang ke Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018 pada tarikh-tarikh tersebut dan masuk adalah percuma bermula jam 09.00 pagi sehingga 05.00 petang.

Semoga dengan penganjuran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018 ini dapat membantu pelajar dalam memilih kursus pengajian yang sesuai di UA nanti.

AKTIVITI YANG DIANJURKAN DALAM KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI

Seperti penganjuran tahun sebelum-sebelumnya terdapat banyak aktiviti telah dirancang di tapak KPTN ini, antaranya seperti:

1. Pameran dan informasi kemasukan dari Universiti Awam dan Swasta, Institusi Latihan Kemahiran Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Penerangan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA melalui UPUOnline.
3. Penerangan peluang kerjaya oleh kakitangan Universiti Awam dan Swasta, Institusi Latihan Kemahiran Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti.
4. Peluang kerjaya (Career Talk).
5. Seminar Kemasukan Pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
6. Penerangan daripada pihak Penajaan seperti PTPTN, JPA, MARA dan Yayasan Negeri.
7. Aktiviti menarik sepanjang Karnival berlangsung.

Di dalam melaksanakan KPTN 2018 ini, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mendapat kerjasama bersepadu dari pelbagai kementerian dan agensi seperti:

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Pertanian dan Asas Tani
- Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Kementerian Pertahanan
- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
- Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
- IPTS termasuk GLC
- Sektor Pengurusan IPTS
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- PTPTN
- JPA
- MARA
- Yayasan Negeri
- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
- MAMPU (MySMS)
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Institut Kraf Negara (IKN)
- Institut Penilaian Negara (INSPEN)





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018

17-18 MAC 2018

8.30 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

**1 Borneo Hypermall,
Kota Kinabalu, Sabah**

AKTIVITI /
DEMONSTRASI
SENI KREATIF

KONSULTASI



UPU.MOHE.GOV.MY

SUDUT
TAJAAN

PAMERAN DAN
DEMONSTRASI
SAINS

PAMERAN
PENDIDIKAN
TINGGI

PEMERIKSAAN
KESIHATAN
PERCUMA

BUAL
BICARA

Bah!! Datang Ramai-ramai...
MASUK PERCUMA



Bual Bicara
17 Mac 2018
En. Jubair Juhinin
Pengusaha Arnab Village
(Alumni UMS)

Bual Bicara
17 Mac 2018
En. Muhammad Zahrin
Pengusaha Serunding Ibuku
(Alumni UMS)



SOARING
UPWARDS



Transformasi Ke Arah
UNIVERSITI
INDUSTRI **4.0**



JADUAL PENGISIAN KPTN 2018 ZON SABAH

17 Mac 2018 (Sabtu)

PAGI

PETANG

MASA	SESI TAKLIMAT / DEMONSTRASI / BUAL MESRA	MASA	TAKLIMAT KEMASUKAN PELAJAR
	LOKASI: PENTAS MINI KPTN (MOTHER BOOTH)		LOKASI: VINUSAK HALL, TINGKAT 3, HOTEL GRAND BORNEO
08.00 - 08.30 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta : - Pendaftaran pelajar sekolah - Edaran <i>Student Kit</i> kepada peserta - Tayangan video dari KPT (selingan)	08.30 - 09.00 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta : - Pendaftaran pelajar sekolah - Edaran <i>Student Kit</i> kepada peserta - Tayangan video dari KPT (selingan)
08.30 - 09.00 pagi	Perkongsian Kejayaan KPT (UMAR, 2u2i, i-CGPA, CEO Faculty) – Hebahan Pengacara/DJ	09.00 - 10.00 pagi	Taklimat UPUOnline oleh Wakil BPKP JPT
09.00 - 10.00 pagi	Hebahan Perkongsian Kejayaan dan Demonstrasi oleh Kolej Komuniti - <i>Fruit Carving</i>	10.00 - 11.00 pagi	Perkongsian Industri (MDEC) - <i>GIGGLE GARAGE</i>
10.00 - 10.30 pagi	Kuiz Interaktif bersama pengunjung		
10.30 - 11.30 pagi	Bual Mesra Bersama Alumni UMS, Tema - Pendidikan Asas Pembangunan; - En. Muhammad Zahrin Ahmad , Pengusaha Serunding Ibuku - En. Jubair Juhinin , Pengasas dan Pengusaha Arnab Village		
11.30 - 12.30 t/hari	Hebahan Whats New UPUOnline oleh Wakil BPKP JPT		
01.00 - 02.00 petang	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta : - Pendaftaran pelajar sekolah - Edaran <i>Student Kit</i> kepada peserta - Tayangan video dari KPT (selingan)		
02.00 - 02.30 petang	Perkongsian Kejayaan KPT (UMAR, 2u2i, i-CGPA, CEO Faculty) – Hebahan Pengacara/DJ		
02.30 - 03.30 petang	Bersama Alumni Kolej Komuniti - Girlmisschell Stephen Syarikat Chell D'Margaret		
03.30 - 04.00 petang	Kuiz Interaktif bersama pengunjung - Tayangan Video Korporat		
04.00 - 05.00 petang	Sesi Perkongsian Kejayaan UA - En. Jusman Bin Nali Alumni Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)/Mantan Presiden MPP UMS Sesi		

18 Mac 2018 (Ahad)

	MASA	SESI TAKLIMAT / DEMONSTRASI / BUAL MESRA	MASA	TAKLIMAT KEMASUKAN PELAJAR
		LOKASI: PENTAS MINI KPTN (MOTHER BOOTH)		LOKASI: VINUSAK HALL, TINGKAT 3, HOTEL GRAND BORNEO
PAGI	08.00 - 08.30 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta : - Pendaftaran pelajar sekolah - Edaran <i>Student Kit</i> kepada peserta - Tayangan video dari KPT (selingan)		
	09.00 - 10.30 pagi	Majlis Penyempurnaan KPTN 2018 oleh YB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun , Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah - Lawatan ke <i>booth</i> pameran		
	10.00 - 11.00 pagi	Sesi Perkongsian Kejayaan Kolej Komuniti	10.00 - 10.30 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta : - Pendaftaran pelajar sekolah - Edaran <i>Student Kit</i> kepada peserta - Tayangan video dari KPT (selingan)
	11.00 - 11.30 pagi	Perkongsian Kejayaan KPT (UMAR, 2u2i, i-CGPA, CEO Faculty) – Hebahan Pengacara/DJ		
	11.30 - 12.30 t/hari	Hebahan Whats New UPUOnline oleh Wakil BPKP JPT	10.30 - 11.00 pagi	Taklimat UPUOnline oleh Wakil BPKP JPT
	12.30 - 01.30 petang	Sesi Perkongsian Kejayaan Politeknik - En. Mohd Shafiq Bin Abd Karim Chif Financial Officer BT Empire Holding Sdn Bhd.		
PETANG	01.30 - 02.00 petang	Kuiz Interaktif bersama pengunjung		
	02.00 - 02.30 petang	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta : - Pendaftaran pelajar sekolah - Edaran <i>Student Kit</i> kepada peserta - Tayangan video dari KPT (selingan)		
	02.30 - 03.30 petang	Perkongsian Kejayaan KPT (UMAR, 2u2i, i-CGPA, CEO Faculty) – Hebahan Pengacara/DJ		
	03.30 - 04.00 petang	Hebahan Whats New UPUOnline oleh Wakil BPKP JPT		
	04.00 - 05.00 petang	Kuiz Interaktif bersama pengunjung		

MAJLIS PENYEMPURNAAN KPTN 2018 ZON SABAH



Karnival pengajian Tinggi negara (KPTN) bagi Zon Sabah memperlihatkan sedikit kelainan dari tahun-tahun sebelumnya dimana urusetia telah mengadakan Majlis Penyempurnaan (*Soft launching*). Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Sri Panglima Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah dan diiringi oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Kamel bin Mohamad dan Timbalan Naib Canselor UMS (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Ybrs. Prof. Dr. Ismail Ali.

KPTN merupakan acara tahunan yang dianjurkan Kementerian Pendidikan Tinggi melibatkan 16 lokasi di seluruh negara dan Zon Sabah merupakan lokasi ke-10 yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi. Empat objektif utama karnival ini adalah:-

- Mempromosi** serta menyebarluaskan maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baharu yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA, IPTS dan institusi lain bagi Sesi Akademik 2018/2019;
- Mendidik** dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai

pelaksanaan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti & ILKA serta melalui aplikasi **UPUOnline**;

- Menyampaikan maklumat** mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke IPTA yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum; dan
- Memotivasi** dan mendidik pemohon dalam menyebar luas maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi di IPT dalam negara serta agensi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

YB Datuk Sri Panglima Masidi Manjun berkata dalam ucapannya,

"Usaha menghasilkan modal insan yang berkualiti memerlukan sistem pendidikan yang cemerlang kerana melalui proses pendidikan, pelajar mampu menggilap potensi diri, melengkapkan diri dengan kemahiran tertentu dan kemahiran generik sebelum menempuh alam pekerjaan. Sehingga kini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai pelan transformasi dengan matlamat untuk memantapkan sistem

pendidikan di Malaysia agar lebih berkualiti sebagai landasan untuk melahirkan modal insan yang bukan sahaja kreatif malah lebih inovatif dan berkemahiran tinggi dalam mencapai aspirasi memacu ekonomi Malaysia. Adalah menjadi usaha berterusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi slogan '*Soaring Upwards*' untuk memperkasakan pendidikan tinggi negara bagi memenuhi sasaran 'Aktiviti Ekonomi Utama Nasional' (NKEA) yang memerlukan tenaga kerja sehingga 3.3 juta menjelang 2020."

Beliau juga berkata

"Bagi menghadapi cabaran Industri 4.0, Kementerian Pendidikan Tinggi akan memacu perubahan senario sektor pendidikan tinggi negara, antaranya dengan meningkatkan kompetensi para pensyarah dalam memastikan pelajar mampu mendepani keperluan pasaran pekerjaan selepas menamatkan pengajian dan mampu merealisasikan agenda ekonomi yang digariskan dalam **Rancangan Malaysia ke-11(RMK-11)** iaitu untuk mewujudkan 1.5 juta pekerjaan baru menjelang tahun 2020. Selain daripada itu, inisiatif kerajaan memperkasa institusi **Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET)** melalui peruntukan sebanyak RM4.9 bilion semasa pembentangan **BAJET 2018** dianggap sebagai bonus terbaik kepada pihak yang terlibat dalam sektor TVET. Kini, antara cabaran utama sektor TVET negara

adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam usaha menjana perkembangan ekonomi yang lebih mampan. Susulan daripada itu, dijangka peratus pengambilan pelajar lepasan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dalam aliran TVET akan meningkat kepada 45% pada tahun 2020."

Selain itu, beliau juga turut mengingatkan agar pelajar untuk memilih kursus pengajian yang bersesuaian dan tidak memilih pekerjaan. Pelajar tidak perlu berasa malu untuk mengaku berasal daripada keluarga miskin tetapi berusaha keluar dari kepompong kemiskinan bagi memperbaiki taraf kehidupan diri sendiri dan keluarga.

Beliau kemudiannya telah melaksanakan gimik Pelancaran KPTN 2018 Zon Sabah sebaik sahaja selesai menyampaikan ucapan.

Di dalam majlis yang sama, YB Datuk Sri telah menyerahkan Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi kepada enam orang pelajar Kolej Komuniti yang terpilih. Bantuan sebanyak RM1,200 seorang ini bertujuan meringankan beban kewangan pelajar-pelajar tersebut. Pelajar-pelajar yang menerima bantuan turut disertai ibu-bapa masing-masing.

YB Datuk Sri seterusnya telah membuat lawatan ke *booth* pameran dengan diiringi Dato' Kamel Bin Ibrahim dan Prof. Dr. Ismail Ali.





Encik Jubair Juhinin
Pengusaha Arnab Village



Alumni UMS

Jubair Juhinin merupakan graduan Universiti Malaysia Sabah dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sains Akuakultur. Beliau berusia 28 tahun dan telah pun berkahwin. Beliau merupakan pemilik dan pengurus kepada Kampung Arnab (Arnab Village) yang terletak di Kampung Purak Ogis, Ranau, iaitu kira-kira 104 km dari Kota Kinabalu.

Kampung Arnab (Arnab Village) merupakan salah satu destinasi pelancongan yang wajib dikunjungi di daerah ini. Pelancong tempatan dan antarabangsa telah mengunjungi tempat ini sejak ianya beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016. Di Kampung Arnab ini, pengunjung dapat melihat dan bermain dengan arnab di habitat semula jadi mereka. Malah pengunjung boleh mengambil gambar dan video bersama dengan arnab-arnab tersebut.

Walaupun beliau hanya mempunyai modal sebanyak RM5,000.00 sahaja sewaktu memulakan perniagaan, namun beliau berjaya memperolehi RM300,000 hanya dalam masa setahun. Kampung Village kini menyediakan pekerjaan kepada seramai 20 orang.

Bagi mereka yang berminat untuk membuat lawatan, berikut adalah senarai harga tiket di Kampung Arnab:

- Kanak-kanak (pelawat Malaysia): RM3
- Dewasa (pelawat Malaysia): RM5
- Kanak-kanak (Pelawat Antarabangsa): RM5
- Dewasa (Pelawat Antarabangsa): RM10

Kampung Arnab dibuka setiap hari dari pukul 9 pagi hingga 5 petang.





Muhammad Zahrin Ahmad
Pengusaha Serunding Ibuku



Alumni UMS

Muhammad Zahrin Ahmad ialah graduan Universiti Malaysia Sabah dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Keusahawan), berusia 23 tahun. Beliau merupakan anak ke 6 dari 10 orang adik beradik dan berasal dari Sandakan. Beliau memulakan perusahaan Serunding Ibuku sejak tahun 2017 dan kini mempunyai seramai 7 orang pekerja.

Beliau merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan semangat insan ini amat patut dicontohi yang tidak mengenal erti putus asa dan sentiasa fokus kepada kejayaan. Selepas bergraduasi, beliau tidak mengambil masa yang lama untuk merealisasikan impian dan mengambil inisiatif untuk menjalankan perniagaan dengan memperkenalkan produk Serunding Ibuku. Semasa beliau memulakan perniagaan ini, beliau menggunakan modal

sendiri tanpa mendapat bantuan daripada mana-mana pihak dan juga berbekalkan sokongan ahli keluarga saya terutama sekali ibunya iaitu Puan Zahara Abdul Rahim.

Beliau kini boleh menjana pendapatan bersih sebanyak RM10 ribu sebulan dan pada ketika ini perniagaan beliau telah memasuki pasaran di seluruh negara. Beliau dengan tegas menyatakan statusnya sebagai OKU tidak sepatutnya dijadikan sebagai alasan untuk tidak mampu membuat lebih baik daripada orang lain kerana beliau mampu melakukan sesuatu lebih baik sama seperti orang lain. Produk beliau kini boleh dibeli melalui Shoppe atau mengunjungi laman sosial instagram beliau : serundingibuku_hq





“KPTN ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, menyediakan platform untuk membantu pelajar dalam proses melanjutkan pengajian ke peringkat Universiti sama ada pelajar yang baru mendapat keputusan atau pun pelajar yang berada di tingkatan 4 dan 5 yang mana ia akan dapat membantu mereka dalam proses membuat pemilihan kelak. Kedua, ingin berkongsi kisah kejayaan sistem Pendidikan Tinggi Negara. Sebab itu kita ada di sini membawa semua institusi-institusi, universiti dan juga terdapat organisasi yang menyediakan pembiayaan seperti PTPTN, Badan yang menjaga standard dan kualiti, MQA dan juga badan-badan profesional seperti MBOT dan UPU yang membantu pelajar-pelajar untuk menggunakan sistem online UPU.”

**YBhg. Dato' Kamel bin Mohamad
Timbalan Ketua Setiausaha
Pengurusan KPT**

Temubual

Bagi pandangan saya, program ini atau pun karnival ini adalah sangat baik untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM atau STPM tentang program yang ditawarkan mengikut keperluan industri mengikut bidang masing-masing. Selain itu, pelajar boleh memilih untuk menceburi dalam bidang yang diminati. Pelajar juga boleh mengetahui apakah kelayakan masuk untuk sesebuah IPTA atau IPTS, dan dapat banyak maklumat tentang bantuan pendidikan yang diberikan kepada pelajar.

**Puan Grace Chang
Manager, Education Relation Unit, UCSF**





Pada pendapat saya, penganjuran Karnival Pendidikan Tinggi Negara ini adalah sangat bermanfaat terutamanya kepada ibubapa kerana banyak universiti-universiti tempatan, atau pun kolej-kolej swasta yang membuat pameran dimana ibu bapa akan mendapat maklumat tentang apakah kursus-kursus yang ditawarkan. Ini memberi peluang kepada ibu bapa untuk mengetahui lebih lanjut tentang maklumat kursus-kursus dan boleh membantu anak-anak mereka untuk membuat pilihan kursus yang sesuai.

**Puan Evaleene Samamjuis
Membakut**

Temubual

Saya berpandangan bahawa Karnival Pendidikan Tinggi Negara yang diadakan ini, dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya. Saya juga boleh merancang masa depan saya dengan lebih baik dan boleh memilih IPTA atau IPTS yang sesuai dengan bidang yang saya ingin ceburi. Selain itu, saya juga dapat membuat pelbagai pilihan kursus dan dapat mengenal IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia.

**Saudari Nurin Maisarah Madrun
SM. St. Dominic Lahad Datu, Sabah**





Ketibaan





Persiapan Pameran





Sekitar Pameran





Pentas Mini





Taklimat Kemasukan





AJK JAMUAN



AJK SEMINAR



PENYELARAS DAN KETUA BPA UMS

Ahli Jawatankuasa



AJK PAMERAN



KEURUSETIAAN



AJK LOGISTIK, PENGANGKUTAN
DAN KESELAMATAN



AJK BULETIN DAN PROMOSI